

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(10)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 10 TAHUN 2015**

---

**Tarikh : 28 Oktober 2015 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.15 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan<br>Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran     | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                                   | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 6.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 7.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 8.  | Encik Loka Ng Sai Kai   | - | "                       |
| 9.  | Encik Michael Noel Jalleh                                     | - | "                       |
| 10. | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh                            | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail              | - | " |
| 17. | Encik Jaber bin Ami                      | - | " |
| 18. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy    | - | " |
| 19. | Puan Sharmazira binti Md Sharif          | - | " |
| 20. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo            | - | " |
| 21. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli   | - | " |
| 22. | Encik Tan Pang Yeow                      | - | " |
| 23. | Puan Kavitha a/p Chandragesan            | - | " |
| 24. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu          | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | Ahli Majlis |
|----|---|---|-------------|

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
8. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Puan Noraziah binti Ali  
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
19. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
20. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
21. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
22. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
23. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
24. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
25. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
26. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

27. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
28. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
30. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
32. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
33. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
34. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
35. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
36. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
38. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
39. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

41. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
42. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
43. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
44. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Cik Hasniza binti Husin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
46. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
48. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
51. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
52. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
53. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
54. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

55. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
56. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
57. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
58. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
59. Puan Zaiyanazareht binti Zaini  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
62. Encik Aidil Ifni bin Supar  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
63. Encik Mohd Fikri bin Misro  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
64. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
65. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
66. Encik Mohd Faiz bin Sharil  
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Jabatan OSC
67. Puan Salwa binti Ab. Rahman  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan,  
Jabatan Teknologi Maklumat

**URUS SETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan



## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 KECEMERLANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menerima kejayaan di peringkat antarabangsa dengan merangkul dua anugerah dalam **Green World Awards 2015** yang telah berlangsung di Novotel Cathedral Square, Christchurch, **New Zealand** pada **19 Oktober 2015** yang lalu.

Anugerah yang diterima oleh MPSJ adalah seperti berikut:

- i) **Anugerah Emas** kategori *Sustainability*
- ii) **Anugerah Perak** kategori *Regional and National Government*

Selain itu, MPSJ juga akan menerima satu lagi anugerah **Green Apple Awards For Commerce and Industry** dengan tajuk **Green Collaboration – Community Edible Greens** di Westminster Palace, London pada **16 November 2015**.

Anugerah ini juga adalah susulan daripada **Anugerah Green Apple Awards** yang telah diterima oleh MPSJ pada tahun 2014 bagi kategori *The Environment Best Practice* menerusi inisiatif hijau bertajuk *The Biomass Way* dan **Anugerah World**

**Green Ambassador 2015** yang diterima pada bulan Mei 2015 atas komitmen MPSJ dalam inisiatif dan pembangunan hijau.

Penganugerahan ini, sekaligus menaikkan prestij MPSJ dan Kerajaan Negeri Selangor di persada antarabangsa.

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada seluruh Warga Kerja MPSJ, Pegawai, Ketua-Ketua Jabatan serta Ahli Majlis MPSJ yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehingga MPSJ berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dan berprestij ini.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis sentiasa mengharapkan sokongan daripada semua pihak untuk MPSJ terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan pada masa-masa akan datang.

## **2.2 SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN, PERINGKAT MPSJ 2015**

Sukacita dimaklumkan Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menganjurkan Program Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat MPSJ bersempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kebangsaan yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun. Program ini diadakan dengan kerjasama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Program Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat MPSJ ini merupakan julung-julung kali dianjurkan oleh MPSJ dalam usaha pihak Majlis untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan. MPSJ merupakan PBT pertama di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya yang menganjurkan Program Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dalam skala yang besar.

Pelbagai program telah diadakan bagi memeriahkan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat MPSJ ini. Di antara program yang telah diadakan ialah:

- i. Pertandingan Berbalas Pantun (12 – 13 Oktober 2015)
- ii. Pertandingan Pengacaraan Majlis (19 – 20 Oktober 2015)
- iii. Pertandingan Nyanyian Lagu Irama Malaysia (22 Oktober 2015)
- iv. Pertandingan Deklamasi Puisi, Sajak & Syair (27 Oktober 2015)
- v. Audit Bahasa (Paparasi Iklan Premis Perniagaan MPSJ)

Sesi penutup dan penyampaian hadiah kepada para pemenang akan diadakan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan MPSJ pada 04 November 2015 (Rabu) bertempat di Perkarangan Kompleks Sukan MPSJ yang akan turut dihadiri oleh Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat MPSJ ini.

### **2.3 PEMBUDAYAAN INOVASI DI MPSJ**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Program Cabaran *My Innovation* yang merupakan rantaian kepada Program Jejak Inovasi (Turun Padang) yang menjelajah ke semua Sembilan (9) daerah dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.

MPSJ telah menerima lawatan panel penilai daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 07 Oktober 2015 (Rabu) yang lalu dan sukacita dimaklumkan 8 daripada 12 penyertaan telah berjaya ke peringkat penilaian akhir yang sedang berlangsung pada 26 hingga 29 Oktober 2015 di Foyer, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Senarai lapan (8) penyertaan MPSJ yang berjaya ke peringkat penilaian akhir adalah seperti berikut:

BIL.	KUMPULAN	JABATAN
1.	Beyond Boundaries	Korporat dan Pengurusan Strategik
2.	EP	Khidmat Pengurusan
3.	E-Lak	Penguatkuasaan
4.	P-Clamp	Penguatkuasaan
5.	The Associates	Undang-Undang
6.	Evo	Kejuruteraan
7.	Two Plus One	Hasil
8.	Giat Mara Serdang	Agensi : Giat Mara Serdang

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua kumpulan Cabaran *My Innovation* MPSJ.

#### **2.4 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA PERSIDANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2015**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2015 akan bersidang pada 30 Oktober 2015, 02 November 2015 – 06 November 2015 dan 11 November 2015 – 13 November 2015, bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam. Persidangan Dewan Negeri Selangor akan dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Speaker, Dewan Negeri Selangor.

## **2.5 KEJOHANAN CATUR DAN KAROM TERBUKA MPSJ 2015**

MPSJ bakal menganjurkan Kejohanan Catur dan Karom Terbuka MPSJ 2015. Kejohanan ini merupakan kejohanan kali ke-4 dianjurkan oleh MPSJ. Kejohanan Catur dan Karom Terbuka MPSJ 2015 ini akan diadakan pada 07 November 2015 (Sabtu) bermula pada jam 9.00 pagi – 6.00 petang bertempat di Kompleks 3C, MPSJ.

Kejohanan ini merupakan aktiviti tahunan anjuran Kompleks 3C MPSJ dan ia diadakan pada setiap kali cuti persekolahan hujung tahun ekoran penyertaan yang sangat menggalakkan.

### **Sasaran Penyertaan;**

Sasaran penyertaan adalah seramai 240 orang peserta dan terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

3 kategori dipertandingkan bagi acara Catur iaitu Kategori Terbuka, Bawah 18 Tahun dan Bawah 12 Tahun.

4 kategori dipertandingkan bagi acara Karom iaitu Kategori Perseorangan Lelaki, Perseorangan Wanita, Bergu Lelaki dan Bergu Campuran.

## **2.6 PERTANDINGAN TULISAN JAWI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH 2015**

MPSJ telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Pertandingan Tulisan Jawi Peringkat Sekolah Rendah 2015 pada 14 November 2015, bermula pada jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Dewan Jebat, Kompleks 3C, MPSJ.

Pertandingan Tulisan Jawi ini merupakan satu aktiviti yang menarik dan unik untuk dilaksanakan dan ia merupakan warisan kesenian bangsa melayu yang perlu dipelihara dan diberikan

pendedahan kepada para pelajar terutamanya kepada generasi muda masyarakat Malaysia.

Sasaran Penyertaan;

- 50 orang peserta sekolah rendah

Skema Pemarkahan;

- Ketepatan Penulisan
- Kreativiti
- Kekemasan

## **2.7 MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI MPSJ 2015**

Sukacita dimaklumkan Majlis Sambutan Deepavali Peringkat MPSJ Tahun 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : 28 November 2015 (Sabtu)  
Masa : 7.00 malam – 10.30 malam  
Tempat : Dewan Serbaguna MPSJ,  
Jalan Besar,  
Seri Kembangan

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacita menjemput semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ untuk turut sama memeriahkan sambutan perayaan Deepavali peringkat MPSJ ini.

## **2.8 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 42 (iaitu sehingga 24 Oktober 2015) adalah sebanyak 9412 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

## **2.9 INISIATIF HIJAU MPSJ**

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, MPSJ mempunyai bidang kuasa mengurus tadbir perbandaran termasuk dari aspek pengindahan bandar. Salah satu cabaran besar yang dihadapi MPSJ adalah untuk menangani masalah iklan-iklan haram yang menjejaskan keindahan alam sekitar dan mengundang isu keselamatan dan sosial.

Dalam menangani cabaran tersebut, MPSJ telah melaksanakan satu lagi inisiatif hijau dengan menghasilkan fail mesyuarat dengan menggunakan banner dan bunting haram yang dirampas semasa operasi dijalankan. Material ini dikumpul dan diserahkan kepada Koperasi Dagang Seni (Malaysia) Berhad di Bandar Puteri, Puchong bagi membantu ibu-ibu tunggal menjana ekonomi mereka melalui kemahiran seni jahitan dan menghasilkan produk fail mesyuarat yang boleh digunakan di pejabat atau dikomersialkan. MPSJ telah membuat pembelian sebanyak 1,000 unit produk tersebut.

Inisiatif ini bukan sekadar menyokong amalan 3R, bahkan juga merupakan inovasi sosial MPSJ yang memberi impak kepada masyarakat.

## **2.10 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN (MPSJ) 2016 BERMULA PADA BULAN NOVEMBER 2015**

Adalah dimaklumkan bahawa pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi tahun 2016 akan bermula pada 16 November 2015 di Kaunter Ibu Pejabat MPSJ dan bermula pada 30 November 2015 di Kaunter Pejabat Cawangan Bandar Puteri, Puchong serta Dewan Serbaguna MPSJ, Serdang Jaya. Saluran bagi pembayaran Lesen Perniagaan adalah seperti berikut:-

- i. Secara online melalui laman web MPSJ <http://www.mpsj.gov.my>, pelanggan perlu berdaftar dengan My@MPSJ.
- ii. Pembayaran di Kaunter dan Kiosk Bayaran di Ibu Pejabat MPSJ.
- iii. Pejabat Cawangan Puchong di Bangunan Perpustakaan Hipermedia MPSJ, Persiaran Puteri 1, Bandar Puteri, Puchong.
- iv. Pejabat Cawangan Serdang Jaya di Dewan Serbaguna MPSJ, Serdang Jaya.
- v. Kaunter Bergerak akan dibuka di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan.



## **2.11 KADAR LESEN PASAR PAGI MPSJ BAGI TAHUN 2016 ADALAH MENGIKUT BILANGAN HARI BERNIAGA**

Adalah dimaklumkan bahawa kadar lesen pasar pagi di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya telah dipinda dari kadar asal iaitu dengan menetapkan peniaga membayar bagi tempoh satu (1) tahun iaitu (setiap hari) kepada kadar mengikut bilangan hari berniaga sahaja.

Setelah membuat penelitian dan semakan di tapak, terdapat sebilangan besar peniaga pasar pagi yang tidak menjalankan aktiviti perniagaan pada setiap hari di setiap lokasi pasar pagi tersebut dan mereka hanya memilih hari tertentu sahaja untuk berniaga.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan mula melaksanakan kadar lesen pasar pagi mengikut bilangan hari berniaga bermula pada tahun 2016. Langkah ini dilihat dapat membantu peniaga untuk mengurangkan bebanan bagi bayaran Lesen Pasar Pagi tahun 2016 dan seterusnya pihak Majlis dapat mengenalpasti petak-petak kosong mengikut kekosongan hari untuk ditawarkan kepada peniaga lain yang berminat menjalankan aktiviti penajaan di sesebuah lokasi pasar pagi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya melalui prosedur sesi temuduga. Kadar lesen akan dipaparkan di dalam laman web MPSJ.

## **2.12 PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2015**

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut **Hari Deepavali** kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang berbangsa India. Hari Deepavali akan disambut pada 10 November 2015 (Selasa).

Kedatangan Hari Deepavali atau turut dikenali sebagai “*Pesta Cahaya*” sudah pastinya disambut meriah oleh masyarakat India. Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan anda yang meraikannya.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran perayaan Hari Deepavali yang bakal menjelma ini, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah. Gunakanlah peluang di hari perayaan ini untuk meraikannya bersama ahli keluarga tercinta di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan diantara kita.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI 2015**

### **3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 09/2015 BERTARIKH 30 SEPTEMBER 2015.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2015 bertarikh 30 September 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2015 Bertarikh 07 Oktober 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### **4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 20/2015 Bertarikh 21 Oktober 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.29 m.s 79	Encik Chong Hoon Ming	Ying Tian Soong	Beliau memohon pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan

				<p>permohonan kebenaran merancang bagi membuat perubahan material kegunaan tanah daripada kediaman kepada perniagaan bagi Cadangan Membina Sebuah Medan Selera (sementara) Di Atas PT 643, Jalan SK 4/1, Kampung Baru Seri Kembangan, Seri Kembangan oleh syarikat Ying Tian Soong.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini dan perkara ini akan dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### 4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 08/2015 Bertarikh 08 Oktober 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 m.s 5	Encik Tai Cheng Heng	Permasalahan Banjir Kilat Di Kawasan <i>Hotspot</i> MPSJ	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis meneruskan usaha-usaha untuk membuat kajian dengan lebih menyeluruh bagi mengkaji kaedah yang terbaik di dalam menangani permasalahan banjir kilat yang sering kali berlaku di kawasan <i>hotspot</i> banjir di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Majlis sentiasa peka dengan permasalahan banjir kilat yang sering kali berlaku di kawasan <i>hotspot</i> banjir di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan mencari kaedah dan</p>

				<p>mekanisme yang terbaik di dalam menangani isu-isu berbangkit berkenaan perkara ini.</p> <p>Selain itu, kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai <i>hotspot</i> banjir akan dimasukkan di dalam senarai inventori untuk dibuat kajian teknikal secara lebih menyeluruh oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan untuk membuat pemantauan dan kajian teknikal di kawasan yang telah dikenal pasti sebagai <i>hotspot</i> banjir.</p> <p>Keutamaan tindakan akan diberikan kepada kawasan yang kritikal dengan mengikut keutamaan terlebih dahulu.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

#### 4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 10/2015 Bertarikh 13 Oktober 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### Tindakan : Bahagian Landskap

#### 4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 10/2015 Bertarikh 13 Oktober 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.8.1 m.s 18	Puan Sharmazira binti Md Sharif	Isu Longkang Di Belakang Kedai Batu 14, Puchong	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung cadangan pelan tindakan ke atas isu-isu berbangkit terhadap longkang di belakang kedai Batu 14, Puchong (hadapan Kuil Batu 14) yang cetek dan tidak sempurna.  <u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengadakan

				<p>lawatan tapak di lokasi yang dimaksudkan dan kajian teknikal sedang dijalankan bagi menangani permasalahan dan isu-isu berbangkit yang berlaku di kawasan tersebut.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau memaklumkan bahawa perkara ini akan diberikan maklumbalas selanjutnya di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa maklumbalas mengenai perkara ini akan dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---



2	para 7.10.3 m.s 20	Encik Tai Cheng Heng	Cadangan Membina “Flyover” Untuk Sambungan Jalan Daripada MEX Expressway Ke Jalan Putra Permai	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung cadangan membina “flyover” untuk menggantikan cadangan simpang lampu isyarat untuk sambungan jalan daripada MEX Expressway (Kuala Lumpur – Putrajaya Maju Expressway) ke Jalan Putra Permai.  <u>Maklumbalas:</u> Dato’ Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk menjemput wakil pihak MEX Expressway bagi memberikan penjelasan lanjut berhubung perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.
3	Hal-Hal Lain	Ir. Izham bin Hashim	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai Dan Bangunan Bermasalah	Beliau memohon supaya laporan dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai Dan Bangunan Bermasalah dimasukkan dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur untuk makluman Ahli Jawatankuasa Mesyuarat.

				<p>Ini berikutan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai Dan Bangunan Bermasalah merupakan terbitan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan penambahbaikan ini dan meminta Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

#### **4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2015 Bertarikh 15 Oktober 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

#### 4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 10/2015 Bertarikh 19 Oktober 2015

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

#### 4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 10/2015 Bertarikh 20 Oktober 2015

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Wan Hock Leong	Dasar Kebersihan Longkang Awam Di Kawasan MPSJ	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung dasar kebersihan longkang awam di kawasan pentadbiran MPSJ terutamanya bagi isu-isu penyaluran sisa air basuhan dan cucian serta "effluent" dari premis makanan ke longkang awam.  Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis mencari kaedah dan mekanisme yang

				<p>lebih berkesan bagi menangani isu ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kesihatan memaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan telah menguatkuasakan dibawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPSJ) 2007 dengan mengenakan syarat supaya premis makanan memasang Perangkap Gris / Minyak (Grease Trap) bagi penapisan penyaluran sisa air basuhan dan cucian di premis makanan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pemilik premis makanan supaya mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan dan iklan dibawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPSJ) 2007 berkenaan perkara ini untuk dikuatkuasakan.</p>
--	--	--	--	--

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pelesenan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa maklumbalas mengenai perkara ini akan dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang.</p>
2	Hal-Hal Lain	Encik Tai Cheng Heng	Cadangan Penambahbaikan Ke Atas Proses Permohonan Pembaharuan Permit Sementara Iklan	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula prosedur permohonan pembaharuan bagi permit sementara iklan untuk sepanduk, kain rentang, <i>bunting</i> dan <i>banner</i> agar prosedur ini dapat dipermudahkan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa pihak Majlis sedia untuk mempertimbangkan</p>

				<p>permohonan ini bagi memudahkan urusan pelanggan berkenaan perkara ini.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Jabatan Pelesenan akan memperhalusi perkara ini untuk melihat ruang-ruang yang boleh ditambah baik oleh pihak Jabatan berkenaan prosedur kerja ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Pelesenan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

## **5.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

- 5.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID)**, S.I.S., A.M.S.  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN)**, D.P.M.S., S.M.S.  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**